



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN**

Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: +603-88849370 (Aras 4)
Faks: +603-88849315
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-15/2/88 Jld.2 (82)
Tarikh : 30 Ogos 2021

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan,

**PENGISIAN DAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT STATUS IBU ATAU BAPA
ATAU KEDUA-DUA IBU BAPA YANG MENINGGAL DUNIA DISEBABKAN OLEH
COVID-19 DALAM APLIKASI PANGKALAN DATA MURID (APDM)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menambah medan (*field*) maklumat status ibu atau bapa atau kedua-dua ibu bapa murid yang telah meninggal dunia disebabkan oleh COVID-19 dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM).
3. Sehubungan dengan itu, maklumat tersebut boleh dikemas kini (*tagging*) oleh guru kelas di tab bapa dan ibu di menu profil murid terlibat. Proses tindakan tersebut adalah seperti di **Lampiran A** yang disertakan bersama-sama surat ini.
4. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan memerlukan maklumat lanjut berkaitan perkara ini, pihak YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan boleh menghubungi Tuan Haji Ahmad Faris bin Johan di talian 03-8884 9225 atau e-mel faris.johan@moe.gov.my bagi perkara berkaitan teknikal APDM.
5. YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk memaklumkan tindakan ini kepada pegawai di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan.
6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(ZAINAL BIN ABAS)


Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Sektor Operasi Sekolah
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Pengarah
Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal/Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
 9. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia

MANUAL PENGGUNA PROSES TAGGING STATUS IBU DAN BAPA MENINGGAL DUNIA AKIBAT COVID-19


LANGKAH 1

- Guru kelas log masuk melalui alamat apdm.moe.gov.my menggunakan ID Pengguna (no. KP) dan kata laluan yang telah dicipta sendiri oleh guru kelas.



LANGKAH 2

- Seterusnya guru kelas pilih menu **Data Murid** dan klik **senarai nama murid** terlibat. Selanjutnya pilih **tab bapa atau ibu** yang terlibat. Di Status Bapa atau Ibu, **pilih Meninggal Dunia** dan tandakan **YA jika meninggal dunia akibat COVID-19** atau **TIDAK jika tidak disebabkan COVID-19**.



LANGKAH 3

- Pastikan setelah selesai tindakan, klik butang **KEMASKINI** di sebelah bawah paparan.

